

Decostriol[®] 0.25µg Capsule

(Calcitriol)

APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI?

1. Apakah Kegunaan *Decostriol*[®]
 2. Bagaimana *Decostriol*[®] berfungsi
 3. Sebelum mengambil *Decostriol*[®]
 4. Cara menggunakan *Decostriol*[®]
 5. Semasa menggunakan *Decostriol*[®]
 6. Kesan-kesan sampingan
 7. Selepas menggunakan *Decostriol*[®]
 8. Maklumat lanjut
 9. Pengilang & Pemegang pendaftaran produk
- Baca seluruh risalah ini sebelum anda mula mengambil ubat ini.
 - Simpan risalah ini. Anda mungkin perlu membacanya lagi.
 - Sekiranya anda perlu maklumat lanjut, sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda.
 - Ubat ini dipreskribkan kepada anda. Jangan berikan kepada orang lain. Ini mungkin membahayakan kesihatan mereka walaupun tanda-tandanya adalah sama dengan anda.
 - Sekiranya sebarang kesan sampingan menjadi serius, atau anda perasan sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

1. APAKAH KEGUNAAN *Decostriol*[®]

Decostriol[®] kapsul mengandungi bahan aktif yang dikenali sebagai *Calcitriol*.

Ia digunakan untuk rawatan:

- Osteoporosis (tulang rapuh) pada wanita yang mengalami putus haid.
- Penyakit tulang (osteodistrofi) untuk pesakit dengan masalah buah pinggang atau sedang menjalani dialisis.
- Hipoparatiroidisme (penyusutan fungsi kelenjar paratiroid).
- Penyakit Rickets dengan rintangan Vitamin D.

2. BAGAIMANA *Decostriol*[®] BERFUNGSI

Calcitriol adalah sejenis bahan aktif Vitamin D. Ia berfungsi dengan membantu badan untuk menyerap lebih banyak kalsium yang terdapat dalam makanan dan suplemen. Kandungan kalsium yang rendah di dalam darah boleh menyebabkan masalah tulang.

3. SEBELUM MENGAMBIL *Decostriol*[®]

Bila tidak boleh diambil

Anda tidak boleh mengambil *Decostriol*[®] sekiranya anda:

- Mempunyai masalah kesihatan yang boleh menyebabkan peningkatan paras kalsium dalam darah.
- Pernah mengalami alahan terhadap bahan aktif *Calcitriol* atau terhadap bahan-bahan lain dalam produk ini.

Bincang dengan doktor sekiranya anda tidak pasti sama ada anda patut mengambil ubat ini.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda sekiranya anda:

- Mengambil ubat diuretik dari kumpulan *thiazide* (cth. *hydrochlorothiazide*).
- Mempunyai sarkoidosis (keradangan pada nodus limfa, paru-paru, hati, mata dll).
- Pernah mengalami batu karang.
- Mengandung atau merancang untuk mengandung.
- Menyusu atau merancang untuk menyusu.
- Mengalami alahan terhadap ubat-ubatan lain, makanan, bahan pengawet atau bahan pewarna.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda ada mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubat yang didapatkan tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat boleh berinteraksi dengan *Decostriol*[®] adalah penting untuk anda memberitahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda ada mengambil:

- Suplemen dengan jenis Vitamin D yang lain cth *dihydrotachsterol*, *ergocalciferol*.
- Produk yang mengandungi kalsium berlebihan.
- *Phosphate binding agents* cth aluminium hidroksida untuk rawatan pedih ulu hati dan gastritis.
- Ubat yang mengandungi magnesium seperti ubat untuk rawatan gastrik.
- *Thiazide* diuretik untuk rawatan tekanan darah tinggi (cth. *hydrochlorothiazide*).

- Penyediaan digitalis (cth. *digoxin*).
- Ubat untuk rawatan kegagalan jantung.
- Kolestiramina untuk menurunkan paras kolesterol.
- Kortikosteroid untuk rawatan asma.
- Rawatan epilepsi yang menggunakan kumpulan ubat barbiturat (cth. *phenobarbitone* dan antikonvulsan lain (cth. *sodium valproate*)).

Semasa Mengandung dan Menyusu Bayi

Maklumkan kepada doktor sekiranya anda mengandung, beranggapan anda telah mengandung atau bercadang untuk mengandung. Doktor akan menasihati anda mengenai kesesuaian pengambilan *Decostriol*[®] semasa mengandung.

Maklumkan kepada doktor sekiranya anda sedang menyusu atau bercadang untuk menyusu. *Decostriol*[®] tidak disyorkan untuk digunakan oleh ibu yang sedang menyusu. Ini disebabkan sebahagian kecil ubat tersebut boleh hadir dalam susu ibu. Bincang dengan doktor anda untuk mengetahui risiko dan manfaat pengambilan *Decostriol*[®] semasa menyusu.

4. CARA MENGGUNAKAN *Decostriol*[®]

Sentiasa ambil *Decostriol*[®] sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa banyak harus diambil

Decostriol[®] kapsul boleh didapati dalam kekuatan 0.25µg.

Doktor anda akan mengambil kira keadaan perubatan dan paras kalsium dalam darah sebelum menetapkan dos untuk anda.

Bila perlu diambil

Kapsul diambil semasa sarapan dengan sedikit air. Telan kapsul, jangan larutkan. Sekiranya anda diberi dos harian yang tinggi, dos tersebut haruslah dibahagikan sama rata dan diambil 2-3 kali sehari dengan makanan.

Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan ubat ini selagi anda diarahkan oleh doktor. Tempoh

rawatan bergantung pada keadaan perubahan yang dirawat. Doktor anda akan menasihati anda mengenainya.

Jika terlupa mengambil

Ambil dos anda dengan segera apabila anda ingat dan teruskan mengambil *Decostriol*[®] seperti biasa. Jika hampir masa kepada dos seterusnya, abaikan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya pada waktu yang ditetapkan. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang anda terlupa, ini boleh mengakibatkan kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda, atau sesiapa telah mengambil ubat ini secara berlebihan, anda hendaklah segera pergi ke Bahagian Rawatan Kecemasan Hospital terdekat atau maklumkan kepada doktor anda. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang tanda ketidakselesaan atau keracunan. Bawa bersama bungkusan atau baki ubat yang selebihnya dengan anda.

Antara simptom terlebih dos adalah termasuk

Kesan toksik akut

Hilang selera makan, sakit kepala, rasa logam, muntah, sembelit, degupan jantung tak normal dan gejala psikik.

Kesan toksik kronik

Lemah, susut berat badan, kurang kepekaan deria, demam, kerap kencing, penyahhidratan, apati, pertumbuhan terbantut, jangkitan saluran kencing dan hiperkalsemia.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda, sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai penggunaan ubat ini.

5. SEMASA MENGGUNAKAN *Decostriol*[®]

Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa ambil *Decostriol*[®] mengikut arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya pada kebelakangan ini anda ada ambil sebarang ubat, termasuk ubat tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya kesan sampingan menjadi serius atau anda mengalami

reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.

- Beritahu doktor anda dengan segera sekiranya anda telah mengandung, semasa mengambil *Decostriol*[®].
- Jika anda akan mula mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil *Decostriol*[®].
- Pastikan anda meminum air secukupnya untuk mengelakkan kehilangan air didalam badan (pendehidratan)

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan guna *Decostriol*[®] yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak, botol dan strip ubat.
- Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai masalah kesihatan yang sama dengan anda.
- Jangan guna *Decostriol*[®] untuk merawat penyakit lain melainkan diarah oleh doktor anda.

6. KESAN-KESAN SAMPINGAN

Semua ubat mempunyai kesan sampingan. *Decostriol*[®] mungkin menyebabkan kesan sampingan, tetapi bukan setiap individu akan mengalaminya.

Kandungan kalsium yang tinggi di dalam darah akan menyebabkan kesan sampingan. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan seperti berikut:

- Degupan jantung tidak normal
- Loya atau muntah
- Sembelit
- Sakit kepala
- Kerap buang air kecil
- Dahaga
- Hilang selera makan
- Susut berat badan
- Batu karang

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya kesan sampingan menjadi serius atau anda mengalami reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat. Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan mungkin juga akan dialami oleh sesetengah orang. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

7. SELEPAS MENGGUNAKAN *Decostriol*[®]

Penyimpanan

Simpan di tempat sejuk dan kering dibawah suhu 30°C. Simpan dalam bungkusan asal untuk melindungi daripada cahaya, haba dan kelembapan. Jauhi daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Jangan guna *Decostriol*[®] yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak, botol atau strip.

Jika anda diarahkan oleh doktor untuk berhenti mengambil *Decostriol*[®] atau ia telah melebihi tarikh luput, tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk mengendalikan baki ubat tersebut.

8. MAKLUMAT LANJUT

Rupa dan warna

Decostriol[®] adalah dalam bentuk kapsul lembut dan berwarna merah jambu. *Decostriol*[®] terdapat dalam pek strip dan botol yang mengandungi 30, 50 atau 100 kapsul gel.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif adalah:

Setiap *Decostriol*[®] 0.25µg kapsul mengandungi 0.25µg Calcitriol.

Bahan-bahan lain:

Butylhydroxytoluene, butylhydroxyanisole, arachis oil, gelatin, glycerol, sorbitol iron oxide, titanium dioxide.

Nombor pendaftaran

Decostriol[®] 0.25µg:

MAL05032527XCR

9. PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK & PENGILANG

Pemegang pendaftaran produk:

IMEKS Pharma Sdn Bhd.

5 & 9, Jalan Udang Harimau 2, Medan Niaga Kepong, 51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Pengilang:

Dikilangkan oleh::

Catalent Germany Eberbach GmbH Eberbach, Germany

Dibungkus dan dikeluarkan oleh:

mibe GmbH Arzneimittel

Munchener Str.15

D-06796 Brehna, Germany

Tarikh kemaskini:

22/10//2025

No. Siri:

NPRA(R2/1)250416/1453